



26 Disember 2014
26 December 2014
P.U. (A) 347

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA DAN
ANTIPENCATUTAN (MEKANISME UNTUK MENENTUKAN
KEUNTUNGAN TINGGI YANG TIDAK MUNASABAH)
(MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH) 2014

*PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING
(MECHANISM TO DETERMINE UNREASONABLY HIGH
PROFIT) (NET PROFIT MARGIN) REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN
(MEKANISME UNTUK MENENTUKAN KEUNTUNGAN TINGGI YANG TIDAK
MUNASABAH) (MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme untuk Menentukan Keuntungan Tinggi yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014**.

Mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah

2. (1) Mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah bagi tempoh dari 2 Januari 2015 hingga 31 Mac 2015 dan 1 April 2015 hingga 30 Jun 2016 adalah bahawa tidak boleh ada kenaikan dalam margin keuntungan bersih bagi apa-apa barangan atau perkhidmatan.

(2) Tiada kenaikan dalam margin keuntungan bersih bagi apa-apa barangan atau perkhidmatan yang disebut dalam subperaturan (1)—

- (a) dalam tempoh dari 2 Januari 2015 hingga 31 Mac 2015 jika formula dalam perenggan 2 Bahagian II Jadual dipenuhi; dan
- (b) dalam tempoh dari 1 April 2015 hingga 30 Jun 2016 jika formula dalam perenggan 3 atau 4 Bahagian III Jadual dipenuhi.

JADUAL

[Subperaturan 2(2)]

FORMULA UNTUK MENENTUKAN BAHAWA TIADA KENAIKAN DALAM MARGIN
KEUNTUNGAN BERSIH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tafsiran

1. (1) Bagi maksud Jadual ini—

“caj pengenalan” ertinya caj pengenalan bagi apa-apa perkhidmatan baru yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan;

“caj promosi” ertinya caj bagi perkhidmatan yang ditunjukkan mengikut apa-apa cara sebagai kurang daripada caj yang perkhidmatan itu, atau perkhidmatan yang sama perihalan, dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan sebelum itu;

“cukai input” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*];

“cukai output” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;

“harga jualan murah” ertinya harga barangan yang ditunjukkan mengikut apa-apa cara sebagai kurang daripada harga yang barangan itu, atau barangan yang sama perihalan, dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum itu;

“harga kos” ertinya harga yang dibayar bagi pemerolehan barangan, atau harga yang dibayar bagi pemerolehan apa-apa barangan atau perkhidmatan lain bagi membekalkan perkhidmatan, dan kos operasi yang berhubung dengan pengeluaran dan penjualan barangan atau pembekalan perkhidmatan;

“harga pengenalan” ertinya harga pengenalan bagi apa-apa barangan baru yang dijual atau ditawarkan untuk dijual;

“orang kena cukai” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

(2) Apa-apa ungkapan atau petunjuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan apa jua cara pun yang digunakan atau diberikan dalam penjalanan perdagangan atau perniagaan, yang menunjukkan atau berkemungkinan difahami sebagai menunjukkan bahawa—

(a) harga yang barangan itu ditawarkan adalah kurang daripada harga yang barangan itu, atau barangan yang sama perihalan, dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum itu; atau

(b) caj yang perkhidmatan itu ditawarkan adalah kurang daripada caj yang perkhidmatan itu, atau perkhidmatan yang sama perihalan, dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan sebelum itu,

hendaklah dikira sebagai suatu petunjuk bahawa orang yang menggunakan ungkapan itu atau memberikan petunjuk itu menjual atau menawarkan untuk menjual atau membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barangan atau perkhidmatan itu dengan harga jualan murah atau caj promosi, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Ungkapan yang disebut dalam subperenggan (2) termasuk ungkapan “jualan”, “diskaun”, “pengurangan”, “belian terbaik”, “harga terbaik”, “caj terbaik”, “harga istimewa”, “caj istimewa”, “harga runtuh”, “harga lebih murah setiap hari” atau “tawaran separuh harga”.

BAHAGIAN II

FORMULA UNTUK MENENTUKAN BAHAWA TIADA KENAIKAN DALAM MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH DALAM TEMPOH DARI 2 JANUARI 2015 HINGGA 31 MAC 2015

Formula untuk menentukan bahawa tiada kenaikan dalam margin keuntungan bersih barangan atau perkhidmatan berhubung dengan mana-mana orang

2. (1) Formula untuk menentukan bahawa tiada kenaikan dalam margin keuntungan bersih bagi apa-apa barangan tertentu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual, atau apa-apa perkhidmatan tertentu yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan, oleh mana-mana orang dalam tempoh dari 2 Januari 2015 hingga 31 Mac 2015 hendaklah seperti yang berikut:

X_1 tidak boleh melebihi X_0 .

$$X_0 = SP_0 - (COG_0 + OC_0)$$

$$X_1 = SP_1 - (COG_1 + OC_1)$$

- iaitu X_0
- (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada 1 Januari 2015;
 - (b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi barangan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum jualan murah;
 - (c) berhubung dengan perenggan (c) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh perkhidmatan itu dibekalkan

atau ditawarkan untuk dibekalkan sebaik sebelum promosi;

- (d)* berhubung dengan perenggan *(d)* bagi SP₀, ialah margin keuntungan bersih bagi barangan baharu dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan normal;
- (e)* berhubung dengan perenggan *(e)* bagi SP₀, ialah margin keuntungan bersih bagi perkhidmatan baharu dalam Ringgit Malaysia pada tarikh perkhidmatan baharu itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada caj normal;
- (f)* berhubung dengan perenggan *(f)* bagi SP₀, ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan itu ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu ditawarkan untuk dibekalkan, pada kali pertama;
- (g)* berhubung dengan perenggan *(g)* bagi SP₀, ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada kali pertama yang melebihi harga kos selepas 1 Januari 2015; atau

(h) berhubung dengan perenggan *(h)* bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada hari pertama perniagaan selepas 1 Januari 2015;

SP_0 *(a)* ialah harga jualan bagi barangan atau caj bagi perkhidmatan pada 1 Januari 2015 jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual, atau perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada 1 Januari 2015;

(b) ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum harga jualan murah jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan murah pada 1 Januari 2015;

(c) ialah caj bagi perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan sebaik sebelum caj promosi jika perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada caj promosi pada 1 Januari 2015;

(d) ialah harga jualan normal bagi barangan baharu yang dijual atau ditawarkan untuk

dijual sebaik selepas harga pengenalan jika barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga pengenalan pada 1 Januari 2015;

(e) ialah caj normal bagi perkhidmatan baharu yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan sebaik selepas caj pengenalan jika perkhidmatan baharu itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada caj pengenalan pada 1 Januari 2015;

(f) ialah harga jualan bagi barangan atau caj bagi perkhidmatan pada tarikh barangan itu ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu ditawarkan untuk dibekalkan pada kali pertama jika barangan itu tidak pernah ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu tidak pernah ditawarkan untuk dibekalkan pada atau sebelum 1 Januari 2015;

(g) ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual atau caj bagi perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada kali pertama yang melebihi harga kos selepas 1 Januari 2015 jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada harga atau caj yang rendah daripada harga kos pada 1 Januari 2015; atau

- (h) ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual atau caj bagi perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada hari pertama perniagaan selepas 1 Januari 2015 jika tiada operasi perniagaan pada 1 Januari 2015;
- COG₀ ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan barangan, atau harga yang dibayar bagi pemerolehan mana-mana barangan atau perkhidmatan lain bagi membekalkan perkhidmatan, yang disebut dalam SP₀;
- OC₀ ialah kos operasi yang berhubung dengan pengeluaran dan penjualan barangan, atau pembekalan perkhidmatan, yang disebut dalam SP₀;
- X₁ ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan atau perkhidmatan yang disebut dalam SP₁ dijual atau ditawarkan untuk dijual, atau dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- SP₁ ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual, atau caj bagi perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada mana-mana tarikh dari 2 Januari 2015 hingga 31 Mac 2015;

COG₁ ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan barangan, atau harga yang dibayar bagi pemerolehan mana-mana barangan atau perkhidmatan lain bagi membekalkan perkhidmatan, yang disebut dalam SP₁;

OC₁ ialah kos operasi yang berhubung dengan pengeluaran dan penjualan barangan, atau pembekalan perkhidmatan, yang disebut dalam SP₁.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), barangan atau perkhidmatan yang disebut dalam X₀ dan X₁ hendaklah merupakan barangan atau perkhidmatan yang sama perihalan.

(3) Walau apa pun subperenggan (1), tiada kenaikan dalam margin keuntungan bersih jika—

(a) X₁ melebihi X₀ disebabkan oleh pengurangan COG₁ atau OC₁ dalam perjalanan atau penerusan perniagaan; dan

(b) SP₁ tidak melebihi SP₀.

BAHAGIAN III

FORMULA UNTUK MENENTUKAN BAHAWA TIADA KENAIKAN DALAM MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH DALAM TEMPOH DARI 1 APRIL 2015 HINGGA 30 JUN 2016

Formula untuk menentukan bahawa tiada kenaikan dalam margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan berhubung dengan mana-mana orang kena cukai

3. (1) Formula untuk menentukan bahawa tiada kenaikan dalam margin keuntungan bersih bagi apa-apa barangan tertentu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual, atau apa-apa perkhidmatan tertentu yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan, oleh mana-mana orang kena cukai dalam tempoh dari 1 April 2015 hingga 30 Jun 2016 hendaklah seperti yang berikut:

X_2 tidak boleh melebihi X_0 .

$$X_0 = SP_0 - [(COG_0 + OC_0) - (STR_0 + IT_0)] - OT_0$$

$$X_2 = SP_2 - [(COG_2 + OC_2) - (STR_2 + IT_2)] - OT_2$$

- iaitu X_0
- (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada 1 Januari 2015;
 - (b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi barangan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum jualan murah;
 - (c) berhubung dengan perenggan (c) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia

pada tarikh perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan sebaik sebelum promosi;

- (d) berhubung dengan perenggan (d) bagi SP₀, ialah margin keuntungan bersih bagi barangan baharu dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan normal;
- (e) berhubung dengan perenggan (e) bagi SP₀, ialah margin keuntungan bersih bagi perkhidmatan baharu dalam Ringgit Malaysia pada tarikh perkhidmatan baharu itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada caj normal;
- (f) berhubung dengan perenggan (f) bagi SP₀, ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan itu ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu ditawarkan untuk dibekalkan, pada kali pertama;
- (g) berhubung dengan perenggan (g) bagi SP₀, ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada kali pertama yang melebihi harga kos selepas

1 Januari 2015; atau

(h) berhubung dengan perenggan *(h)* bagi SP₀, ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada hari pertama perniagaan selepas 1 Januari 2015;

SP₀ *(a)* ialah harga jualan bagi barangan atau caj bagi perkhidmatan pada 1 Januari 2015 jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual, atau perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada 1 Januari 2015;

(b) ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum harga jualan murah jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan murah pada 1 Januari 2015;

(c) ialah caj bagi perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan sebaik sebelum caj promosi jika perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada caj promosi pada 1 Januari 2015;

- (d) ialah harga jualan normal bagi barangan baharu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas harga pengenalan jika barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga pengenalan pada 1 Januari 2015;
- (e) ialah caj normal bagi perkhidmatan baru yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan sebaik selepas caj pengenalan jika perkhidmatan baharu itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada caj pengenalan pada 1 Januari 2015;
- (f) ialah harga jualan bagi barangan atau caj bagi perkhidmatan pada tarikh barangan itu ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu ditawarkan untuk dibekalkan pada kali pertama jika barangan itu tidak pernah ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu tidak pernah ditawarkan untuk dibekalkan pada atau sebelum 1 Januari 2015;
- (g) ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual atau caj bagi perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada kali pertama yang melebihi harga kos selepas 1 Januari 2015 jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada harga atau caj yang rendah daripada harga kos

pada 1 Januari 2015; atau

(h) ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual atau caj bagi perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada hari pertama perniagaan selepas 1 Januari 2015 jika tiada operasi perniagaan pada 1 Januari 2015;

COG₀ ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan barangan, atau harga yang dibayar bagi pemerolehan mana-mana barangan atau perkhidmatan lain bagi membekalkan perkhidmatan, yang disebut dalam SP₀;

OC₀ ialah kos operasi yang berhubung dengan pengeluaran dan penjualan barangan, atau pembekalan perkhidmatan, yang disebut dalam SP₀;

STR₀ ialah pembayaran balik khas cukai jualan berkenaan dengan barangan yang disebut dalam COG₀ dalam pegangan yang dituntut di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;

IT₀ ialah cukai input yang boleh dihubungkan dengan—

(a) barangan yang disebut dalam COG₀;

(b) apa-apa barangan atau perkhidmatan lain yang disebut dalam COG₀ yang

diperoleh bagi membekalkan perkhidmatan; atau

(c) OC_0 ,

yang berhak untuk dikreditkan terhadap cukai output di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;

OT_0 ialah cukai output yang dikenakan ke atas barangan atau perkhidmatan yang disebut dalam SP_0 di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;

X_2 ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan atau perkhidmatan yang disebut dalam SP_2 dijual atau ditawarkan untuk dijual, atau dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

SP_2 ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual, atau caj bagi perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada mana-mana tarikh dari 1 April 2015 hingga 30 Jun 2016;

COG_2 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan barangan, atau harga yang dibayar bagi pemerolehan mana-mana barangan atau perkhidmatan lain bagi membekalkan perkhidmatan, yang disebut dalam SP_2 ;

OC₂ ialah kos operasi yang berhubung dengan pengeluaran dan penjualan barangan, atau pembekalan perkhidmatan, yang disebut dalam SP₂;

STR₂ ialah pembayaran balik khas cukai jualan berkenaan dengan barangan yang disebut dalam COG₂ dalam pegangan yang dituntut di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;

IT₂ ialah cukai input yang boleh dihubungkan dengan—

(a) barangan yang disebut dalam COG₂;

(b) apa-apa barangan atau perkhidmatan lain yang disebut dalam COG₂ yang diperoleh bagi membekalkan perkhidmatan; atau

(c) OC₂,

yang berhak untuk dikreditkan terhadap cukai output di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;

OT₂ ialah cukai output yang dikenakan ke atas barangan atau perkhidmatan yang disebut dalam SP₂ di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), barangan atau perkhidmatan yang disebut dalam X_0 dan X_2 hendaklah merupakan barangan atau perkhidmatan yang sama perihalan.

(3) Walau apa pun subperenggan (1), tiada kenaikan dalam margin keuntungan bersih jika—

- (a) X_2 melebihi X_0 disebabkan oleh pengurangan COG_2 atau OC_2 dalam perjalanan atau penerusan perniagaan;
- (b) pengurangan COG_2 atau OC_2 bukan disebabkan oleh perubahan daripada cukai yang dikenakan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 [Akta 64] dan Akta Cukai Perkhidmatan [Akta 151] kepada cukai yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014; dan
- (c) SP_2 , tidak termasuk apa-apa cukai dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, tidak melebihi SP_0 .

Formula untuk menentukan bahawa tiada kenaikan dalam margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan berhubung dengan mana-mana orang selain orang kena cukai

4. (1) Formula untuk menentukan bahawa tiada kenaikan dalam margin keuntungan bersih bagi apa-apa barangan tertentu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual, atau apa-apa perkhidmatan tertentu yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan, oleh mana-mana orang selain orang kena cukai dalam tempoh dari 1 April 2015 hingga 30 Jun 2016 hendaklah seperti yang berikut:

X_3 tidak boleh melebihi X_0 .

$$X_0 = SP_0 - (COG_0 + OC_0)$$

$$X_3 = SP_3 - (COG_3 + OC_3)$$

- iaitu X_0
- (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada 1 Januari 2015;
 - (b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi barangan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum jualan murah;
 - (c) berhubung dengan perenggan (c) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan sebaik sebelum promosi;

- (d) berhubung dengan perenggan (d) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi barangan baharu dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan normal;
- (e) berhubung dengan perenggan (e) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi perkhidmatan baharu dalam Ringgit Malaysia pada tarikh perkhidmatan baharu itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada caj normal;
- (f) berhubung dengan perenggan (f) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan itu ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu ditawarkan untuk dibekalkan, pada kali pertama;
- (g) berhubung dengan perenggan (g) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada kali pertama yang melebihi harga kos selepas 1 Januari 2015; atau
- (h) berhubung dengan perenggan (h) bagi SP_0 , ialah margin keuntungan bersih bagi

barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada hari pertama perniagaan selepas 1 Januari 2015;

- SP₀
- (a) ialah harga jualan bagi barangan atau caj bagi perkhidmatan pada 1 Januari 2015 jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual, atau perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada 1 Januari 2015;
 - (b) ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum harga jualan murah jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan murah pada 1 Januari 2015;
 - (c) ialah caj bagi perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan sebaik sebelum caj promosi jika perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada caj promosi pada 1 Januari 2015;
 - (d) ialah harga jualan normal bagi barangan baharu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas harga pengenalan jika barangan baharu itu dijual atau

ditawarkan untuk dijual pada harga pengenalan pada 1 Januari 2015;

(e) ialah caj normal bagi perkhidmatan baharu yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan sebaik selepas caj pengenalan jika perkhidmatan baharu itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada caj pengenalan pada 1 Januari 2015;

(f) ialah harga jualan bagi barangan atau caj bagi perkhidmatan pada tarikh barangan itu ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu ditawarkan untuk dibekalkan pada kali pertama jika barangan itu tidak pernah ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu tidak pernah ditawarkan untuk dibekalkan pada atau sebelum 1 Januari 2015;

(g) ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual atau caj bagi perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada kali pertama yang melebihi harga kos selepas 1 Januari 2015 jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual atau perkhidmatan itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada harga atau caj yang rendah daripada harga kos pada 1 Januari 2015; atau

- (h) ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual atau caj bagi perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada hari pertama perniagaan selepas 1 Januari 2015 jika tiada operasi perniagaan pada 1 Januari 2015;
- COG₀ ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan barangan, atau harga yang dibayar bagi pemerolehan mana-mana barangan atau perkhidmatan lain bagi membekalkan perkhidmatan, yang disebut dalam SP₀;
- OC₀ ialah kos operasi yang berhubung dengan pengeluaran dan penjualan barangan, atau pembekalan perkhidmatan, yang disebut dalam SP₀;
- X₃ ialah margin keuntungan bersih bagi barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia pada tarikh barangan atau perkhidmatan yang disebut dalam SP₃ dijual atau ditawarkan untuk dijual, atau dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- SP₃ ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual, atau caj bagi perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada mana-mana tarikh dari 1 April 2015 hingga 30 Jun 2016;

- COG₃ ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan barangan, atau harga yang dibayar bagi pemerolehan mana-mana barangan atau perkhidmatan lain bagi membekalkan perkhidmatan, yang disebut dalam SP₃;
- OC₃ ialah kos operasi yang berhubung dengan pengeluaran dan penjualan barangan, atau pembekalan perkhidmatan yang disebut dalam SP₃;

(2) Bagi maksud subperenggan (1), barangan atau perkhidmatan yang disebut dalam X₀ dan X₃ hendaklah merupakan barangan atau perkhidmatan yang sama perihalan.

(3) Walau apa pun subperenggan (1), tiada kenaikan dalam margin keuntungan bersih jika—

- (a) X₃ melebihi X₀ disebabkan oleh pengurangan COG₃ atau OC₃ dalam perjalanan atau penerusan perniagaan;
- (b) pengurangan COG₃ atau OC₃ bukan disebabkan oleh perubahan daripada cukai yang dikenakan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 kepada cukai yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014; dan
- (c) SP₃ tidak melebihi SP₀.

Dibuat 24 Disember 2014
[KPDN(BUU)26/5/48; PN(PU2)695/VII]

DATO' SRI HASAN BIN MALEK
Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING ACT 2011

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING (MECHANISM TO DETERMINE UNREASONABLY HIGH PROFIT) (NET PROFIT MARGIN) REGULATIONS 2014

IN exercise of the powers conferred by section 15 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 [*Act 723*], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Price Control and Anti-Profiteering (Mechanism to Determine Unreasonably High Profit) (Net Profit Margin) Regulations 2014**.

Mechanism to determine unreasonably high profit

2. (1) The mechanism to determine that profit is unreasonably high for the period from 2 January 2015 to 31 March 2015 and 1 April 2015 to 30 June 2016 is that there shall be no increment in the net profit margin of any goods or services.

(2) There is no increment in the net profit margin of any goods or services referred to in subregulation (1)—

(a) within the period from 2 January 2015 to 31 March 2015 if the formula in paragraph 2 of Part II of the Schedule is satisfied; and

(b) within the period from 1 April 2015 to 30 June 2016 if the formula in paragraph 3 or 4 of Part III of the Schedule is satisfied.

SCHEDULE

[Subregulation 2(2)]

FORMULA TO DETERMINE THAT NO INCREMENT IN THE NET PROFIT MARGIN

PART I

PRELIMINARY

Interpretation

1. (1) For the purposes of this Schedule—

“introductory charge” means the introductory charge for any new services supplied or offered for supply;

“promotional charge” means the charge for services which is indicated in any manner to be less than the charge at which the services, or services of the same description, were previously supplied or offered for supply;

“input tax” has the meaning assigned to it under section 2 of the Goods and Services Tax Act 2014 [*Act 762*];

“output tax” has the meaning assigned to it under section 2 of the Goods and Services Tax Act 2014;

“cheap sale price” means the price of goods which is indicated in any manner to be less than the price at which the goods, or goods of the same description, were previously sold or offered for sale;

“cost price” means the price paid on the acquisition of goods, or the price paid on the acquisition of any other goods or services for the supply of services, and the operating cost in relation to the production and sale of goods or the supply of services;

“introductory price” means the introductory price for any new goods sold or offered for sale;

“taxable person” has the meaning assigned to it under section 2 of the Goods and Services Tax Act 2014.

(2) Any expression or indication, whether direct or indirect, by whatever means used or given in the course of trade or business, indicating or likely to be understood as indicating that—

(a) the price at which the goods are offered is less than the price at which the goods, or goods of the same description, were previously sold or offered for sale; or

(b) the charge at which the services are offered is less than the charge at which the services, or services of the same description, were previously supplied or offered for supply,

shall be treated as an indication that the person using the expression or giving such indication is selling or offering to sell or supplying or offering to supply the goods or services at cheap sale price or promotional charge, as the case may be.

(3) The expression referred to in subparagraph (2) includes the expression of “sale”, “discount”, “reduction”, “best buy”, “best price”, “best charge”, “special price”, “special charge”, “price crush”, “cheaper price everyday” or “offer half price”.

PART II

FORMULA TO DETERMINE THAT NO INCREMENT IN THE NET PROFIT MARGIN
WITHIN THE PERIOD FROM 2 JANUARY 2015 TO 31 MARCH 2015

Formula to determine that no increment in net profit margin of goods or services in relation to any person

2. (1) The formula to determine that there is no increment in the net profit margin of any particular goods sold or offered for sale, or services supplied or offered for supply, by any person within the period from 2 January 2015 to 31 March 2015 shall be as follows:

X_1 shall not exceed X_0 .

$$X_0 = SP_0 - (COG_0 + OC_0)$$

$$X_1 = SP_1 - (COG_1 + OC_1)$$

- where X_0
- (a) in relation to paragraph (a) of SP_0 , is the net profit margin of the goods or services in Ringgit Malaysia on 1 January 2015;
 - (b) in relation to paragraph (b) of SP_0 , is the net profit margin of the goods in Ringgit Malaysia on the date the goods are sold or offered for sale immediately before the cheap sale;
 - (c) in relation to paragraph (c) of SP_0 , is the net profit margin of the services in Ringgit Malaysia on the date the services are supplied or offered for supply immediately before the promotion;

- (d) in relation to paragraph (d) of SP₀, is the net profit margin of the new goods in Ringgit Malaysia on the date the new goods are sold or offered for sale at the normal selling price;
- (e) in relation to paragraph (e) of SP₀, is the net profit margin of the new services in Ringgit Malaysia on the date the new services are supplied or offered for supply at the normal charge;
- (f) in relation to paragraph (f) of SP₀, is the net profit margin of the goods or services in Ringgit Malaysia on the date the goods are offered for sale or the services are offered for supply, for the first time;
- (g) in relation to paragraph (g) of SP₀, is the net profit margin of the goods or services in Ringgit Malaysia on the date the goods are sold or offered for sale or the services are supplied or offered for supply for the first time above the cost price after 1 January 2015; or
- (h) in relation to paragraph (h) of SP₀, is the net profit margin of the goods or services in Ringgit Malaysia on the date the goods are sold or offered for sale or the services are supplied or offered for supply on the first day of business after 1 January 2015;

- SP₀
- (a)* is the selling price of goods or the charge for services on 1 January 2015 if the goods are sold or offered for sale, or the services are supplied or offered for supply on 1 January 2015;
 - (b)* is the selling price of goods sold or offered for sale immediately before a cheap sale price if the goods are sold or offered for sale at the cheap sale price on 1 January 2015;
 - (c)* is the charge for services supplied or offered for supply immediately before a promotional charge if the services are supplied or offered for supply at the promotional charge on 1 January 2015;
 - (d)* is the normal selling price of new goods sold or offered for sale immediately after an introductory price if the new goods are sold or offered for sale at the introductory price on 1 January 2015;
 - (e)* is the normal charge for new services supplied or offered for supply immediately after an introductory charge if the new services are supplied or offered for supply at the introductory charge on 1 January 2015;
 - (f)* is the selling price of goods or the charge for services on the date the goods are

offered for sale or the services are offered for supply for the first time if the goods have never been offered for sale or the services have never been offered for supply on or before 1 January 2015;

(g) is the selling price of goods sold or offered for sale or the charge for services supplied or offered for supply for the first time above the cost price after 1 January 2015 if the goods are sold or offered for sale or the services are supplied or offered for supply at the price or charge below the cost price on 1 January 2015; or

(h) is the selling price of goods sold or offered for sale or the charge for services supplied or offered for supply on the first day of business after 1 January 2015 if there is no business operation on 1 January 2015;

COG_0 is the price paid on the acquisition of the goods, or the price paid on the acquisition of any other goods or services for the supply of the services, referred to in SP_0 ;

OC_0 is the operating cost in relation to the production and sale of the goods, or the supply of the services, referred to in SP_0 ;

X_1 is the net profit margin of goods or services in Ringgit Malaysia on the date the goods or services referred to in SP_1 are sold or offered for sale,

or supplied or offered for supply, as the case may be;

SP_1 is the selling price of goods sold or offered for sale, or the charge for services supplied or offered for supply on any date from 2 January 2015 to 31 March 2015;

COG_1 is the price paid on the acquisition of the goods, or the price paid on the acquisition of any other goods or services for the supply of the services, referred to in SP_1 ;

OC_1 is the operating cost in relation to the production and sale of the goods, or the supply of the services, referred to in SP_1 .

(2) For the purposes of subparagraph (1), the goods or services referred to in X_0 and X_1 shall be the goods or services of the same description.

(3) Notwithstanding subparagraph (1), there is no increment in the net profit margin if—

(a) X_1 exceeds X_0 due to reduction of COG_1 or OC_1 in the course or in furtherance of business; and

(b) SP_1 does not exceed SP_0 .

PART III

FORMULA TO DETERMINE THAT NO INCREMENT IN THE NET PROFIT MARGIN
WITHIN THE PERIOD FROM 1 APRIL 2015 TO 30 JUNE 2016

Formula to determine that no increment in net profit margin of goods or services in relation to any taxable person

3. (1) The formula to determine that there is no increment in the net profit margin of any particular goods sold or offered for sale, or services supplied or offered for supply, by any taxable person within the period from 1 April 2015 to 30 June 2016 shall be as follows:

X_2 shall not exceed X_0 .

$$X_0 = SP_0 - [(COG_0 + OC_0) - (STR_0 + IT_0)] - OT_0$$

$$X_2 = SP_2 - [(COG_2 + OC_2) - (STR_2 + IT_2)] - OT_2$$

- where X_0
- (a) in relation to paragraph (a) of SP_0 , is the net profit margin of the goods or services in Ringgit Malaysia on 1 January 2015;
 - (b) in relation to paragraph (b) of SP_0 , is the net profit margin of the goods in Ringgit Malaysia on the date the goods are sold or offered for sale immediately before the cheap sale;
 - (c) in relation to paragraph (c) of SP_0 , is the net profit margin of the services in Ringgit Malaysia on the date the services are supplied or offered for supply immediately before the promotion;

- (d)* in relation to paragraph *(d)* of SP₀, is the net profit margin of the new goods in Ringgit Malaysia on the date the new goods are sold or offered for sale at the normal selling price;
- (e)* in relation to paragraph *(e)* of SP₀, is the net profit margin of the new services in Ringgit Malaysia on the date the new services are supplied or offered for supply at the normal charge;
- (f)* in relation to paragraph *(f)* of SP₀, is the net profit margin of the goods or services in Ringgit Malaysia on the date the goods are offered for sale or the services are offered for supply, for the first time;
- (g)* in relation to paragraph *(g)* of SP₀, is the net profit margin of the goods or services in Ringgit Malaysia on the date the goods are sold or offered for sale or the services are supplied or offered for supply for the first time above the cost price after 1 January 2015; or
- (h)* in relation to paragraph *(h)* of SP₀, is the net profit margin of the goods or services in Ringgit Malaysia on the date the goods are sold or offered for sale or the services are supplied or offered for supply on the first day of business after

1 January 2015;

- SP₀
- (a) is the selling price of goods or the charge for services on 1 January 2015 if the goods are sold or offered for sale, or the services are supplied or offered for supply on 1 January 2015;
 - (b) is the selling price of goods sold or offered for sale immediately before a cheap sale price if the goods are sold or offered for sale at the cheap sale price on 1 January 2015;
 - (c) is the charge for services supplied or offered for supply immediately before a promotional charge if the services are supplied or offered for supply at the promotional charge on 1 January 2015;
 - (d) is the normal selling price of new goods sold or offered for sale immediately after an introductory price if the new goods are sold or offered for sale at the introductory price on 1 January 2015;
 - (e) is the normal charge for new services supplied or offered for supply immediately after an introductory charge if the new services are supplied or offered for supply at the introductory charge on 1 January 2015;

(f) is the selling price of goods or the charge for services on the date the goods are offered for sale or the services are offered for supply for the first time if the goods have never been offered for sale or the services have never been offered for supply on or before 1 January 2015;

(g) is the selling price of goods sold or offered for sale or the charge for services supplied or offered for supply for the first time above the cost price after 1 January 2015 if the goods are sold or offered for sale or the services are supplied or offered for supply at the price or the charge below the cost price on 1 January 2015; or

(h) is the selling price of goods sold or offered for sale or the charge for services supplied or offered for supply on the first day of business after 1 January 2015 if there is no business operation on 1 January 2015;

COG₀ is the price paid on the acquisition of the goods, or the price paid on the acquisition of any other goods or services for the supply of the services, referred to in SP₀;

OC₀ is the operating cost in relation to the production and sale of the goods, or the supply of the services, referred to in SP₀;

STR₀ is the special refund of sales tax in respect of the goods referred to in COG₀ held on hand which is claimed under the Goods and Services Tax Act 2014;

IT₀ is the input tax attributable to—

(a) the goods referred to in COG₀;

(b) any other goods or services referred to in COG₀ which are acquired for the supply of the services; or

(c) OC₀,

entitled to be credited against the output tax under the Goods and Service Tax Act 2014;

OT₀ is the output tax imposed on the goods or services referred to in SP₀ under the Goods and Services Tax Act 2014;

X₂ is the net profit margin of goods or services in Ringgit Malaysia on the date the goods or services referred to in SP₂ are sold or offered for sale, or supplied or offered for supply, as the case may be;

SP₂ is the selling price of goods sold or offered for sale, or the charge for services supplied or offered for supply on any date from 1 April 2015 to 30 June 2016;

COG₂ is the price paid on the acquisition of the goods, or the price paid on the acquisition of any other goods or services for the supply of the services, referred to in SP₂;

OC₂ is the operating cost in relation to the production and sale of the goods, or the supply of the services, referred to in SP₂;

STR₂ is the special refund of sales tax in respect of the goods referred to in COG₂ held on hand which is claimed under the Goods and Services Tax Act 2014;

IT₂ is the input tax attributable to—

(a) the goods referred to in COG₂;

(b) any other goods or services referred to in COG₂ which are acquired for the supply of the services; or

(c) OC₂,

entitled to be credited against the output tax under the Goods and Service Tax Act 2014;

OT₂ is the output tax imposed on the goods or services referred to in SP₂ under the Goods and Services Tax Act 2014.

(2) For the purposes of subparagraph (1), the goods or services referred to in X_0 and X_2 shall be the goods or services of the same description.

(3) Notwithstanding subparagraph (1), there is no increment in the net profit margin if—

- (a) X_2 exceeds X_0 due to reduction of COG_2 or OC_2 in the course or in furtherance of business;
- (b) the reduction of COG_2 or OC_2 is not due to the changes from the tax imposed under the Sales Tax Act 1972 [Act 64] and the Service Tax Act 1975 [Act 151] to the tax imposed under the Goods and Services Tax Act 2014; and
- (c) SP_2 , excluding any tax imposed under the Goods and Services Tax Act 2014, does not exceed SP_0 .

Formula to determine that no increment in net profit margin of goods or services in relation to any person other than taxable person

4. (1) The formula to determine that there is no increment in the net profit margin of any particular goods sold or offered for sale, or services supplied or offered for supply, by any person other than taxable person within the period from 1 April 2015 to 30 June 2016 shall be as follows:

X_3 shall not exceed X_0 .

$$X_0 = SP_0 - (COG_0 + OC_0)$$

$$X_3 = SP_3 - (COG_3 + OC_3)$$

where X_0 (a) in relation to paragraph (a) of SP_0 , is the net profit margin of the goods or services in Ringgit Malaysia on 1 January 2015;

- (b)* in relation to paragraph *(b)* of SP₀, is the net profit margin of the goods in Ringgit Malaysia on the date the goods are sold or offered for sale immediately before the cheap sale;
- (c)* in relation to paragraph *(c)* of SP₀, is the net profit margin of the services in Ringgit Malaysia on the date the services are supplied or offered for supply immediately before the promotion;
- (d)* in relation to paragraph *(d)* of SP₀, is the net profit margin of the new goods in Ringgit Malaysia on the date the new goods are sold or offered for sale at the normal selling price;
- (e)* in relation to paragraph *(e)* of SP₀, is the net profit margin of the new services in Ringgit Malaysia on the date the new services are supplied or offered for supply at the normal charge;
- (f)* in relation to paragraph *(f)* of SP₀, is the net profit margin of the goods or services in Ringgit Malaysia on the date the goods are offered for sale or the services are offered for supply, for the first time;
- (g)* in relation to paragraph *(g)* of SP₀, is the net profit margin of the goods or

services in Ringgit Malaysia on the date the goods are sold or offered for sale or the services are supplied or offered for supply for the first time above the cost price after 1 January 2015; or

(h) in relation to paragraph *(h)* of SP₀, is the net profit margin of the goods or services in Ringgit Malaysia on the date the goods are sold or offered for sale or the services are supplied or offered for supply on the first day of business after 1 January 2015;

SP₀ *(a)* is the selling price of goods or the charge for services on 1 January 2015 if the goods are sold or offered for sale, or the services are supplied or offered for supply on 1 January 2015;

(b) is the selling price of goods sold or offered for sale immediately before a cheap sale price if the goods are sold or offered for sale at the cheap sale price on 1 January 2015;

(c) is the charge for services supplied or offered for supply immediately before a promotional charge if the services are supplied or offered for supply at the promotional charge on 1 January 2015;

- (d)* is the normal selling price of new goods sold or offered for sale immediately after an introductory price if the new goods are sold or offered for sale at the introductory price on 1 January 2015;
- (e)* is the normal charge for new services supplied or offered for supply immediately after an introductory charge if the new services are supplied or offered for supply at the introductory charge on 1 January 2015;
- (f)* is the selling price of goods or the charge for services on the date the goods are offered for sale or the services are offered for supply for the first time if the goods have never been offered for sale or the services have never been offered for supply on or before 1 January 2015;
- (g)* is the selling price of goods sold or offered for sale or the charge for services supplied or offered for supply for the first time above the cost price after 1 January 2015 if the goods are sold or offered for sale or the services are supplied or offered for supply at the price or the charge below the cost price on 1 January 2015; or
- (h)* is the selling price of goods sold or offered for sale or the charge for services

supplied or offered for supply on the first day of business after 1 January 2015 if there is no business operation on 1 January 2015;

COG₀ is the price paid on the acquisition of the goods, or the price paid on the acquisition of any other goods or services for the supply of the services, referred to in SP₀;

OC₀ is the operating cost in relation to the production and sale of the goods, or the supply of the services, referred to in SP₀;

X₃ is the net profit margin of goods or services in Ringgit Malaysia on the date the goods or services referred to in SP₃ are sold or offered for sale, or supplied or offered for supply, as the case may be;

SP₃ is the selling price of goods sold or offered for sale, or the charge for services supplied or offered for supply on any date from 1 April 2015 to 30 June 2016;

COG₃ is the price paid on the acquisition of the goods, or the price paid on the acquisition of any other goods or services for the supply of the services, referred to in SP₃;

OC₃ is the operating cost in relation to the production and sale of the goods, or the supply of the services, referred to in SP₃.

(2) For the purposes of subparagraph (1), the goods or services referred to in X_0 and X_3 shall be the goods or services of the same description.

(3) Notwithstanding subparagraph (1), there is no increment in the net profit margin if—

(a) X_3 exceeds X_0 due to reduction of COG_3 or OC_3 in the course or in furtherance of business;

(b) the reduction of COG_3 or OC_3 is not due to the changes from the tax imposed under the Sales Tax Act 1972 and the Service Tax Act 1975 to the tax imposed under the Goods and Services Tax Act 2014; and

(c) SP_3 does not exceed SP_0 .

Made 24 December 2014
[KPDN(BUU)26/5/48; PN(PU2)695/VII]

DATO' SRI HASAN BIN MALEK
Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism